




KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

CAKNA URUSAN PERKHIDMATAN ANDA

ELAUN DALAM PERKHIDMATAN AWAM





PUNCA KUASA

1. Perlembagaan Persekutuan Perkara 132 (2) menetapkan pelantikan dan syarat perkhidmatan orang dalam perkhidmatan- perkhidmatan awam boleh dikawal selia melalui undang-undang persekutuan dan tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang sedemikian, oleh Yang di-Pertuan Agong.
2. Yang di-Pertuan Agong telah memperkenalkan Perintah-perintah Am termasuk Perintah Am Bab B sebagai arahan perkhidmatan yang mengawal selia urusan perkhidmatan bagi perkhidmatan awam.
3. Perintah-perintah Am mula berkuat kuasa mulai **1 Januari 1974**.





KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

PRINSIP PEMBERIAN ELAUN

Tidak Sejangat

Non-Universal

Membolehkan elaun diberikan secara khusus kepada kumpulan/ perkhidmatan tertentu berdasarkan keunikan sesuatu perkhidmatan, kumpulan atau tugas



Contoh:

Kumpulan: ITJU
Perkhidmatan: BIPK

Tidak Biasa

Non-Regular

Menetapkan elaun hanya diberi dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja berdasarkan tugas yang dilaksanakan di luar kebiasaan sesuatu perkhidmatan, kumpulan, organisasi & seumpamanya



Contoh:

Bayaran Insentif
Mengikut Lokasi dan
Tahap Kesusahan

Tidak Kekal

Non-Permanent

Menentukan bahawa elaun diberi secara sementara, boleh ditarik balik, diberhentikan bayarannya atau dimansuhkan serta boleh diberi mengikut suatu tempoh tertentu



Contoh:

Insentif Profisiensi
Bahasa Inggeris

Kesaksamaan

Fairness

Membolehkan pemberian elaun dipanjangkan kepada perkhidmatan, kumpulan atau gred-gred tertentu yang layak dan memenuhi kriteria sesuatu elaun



Contoh:

Bayaran Insentif
Tugas Kewangan



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

PENETAPAN KRITERIA ELAUN

Kos Sara Hidup

1

6

**Bayaran Balik
Perbelanjaan**

**Tanggungjawab
Tambahan**

2

7

Risiko Kerja

Kesusahan (Hardship)

3

8

Kepakaran

**Kemahiran/ Kompetensi
Tambahan**

4

9

**Keanehan/ Kejelikan
Tugas**

**Kepentingan Pengekalan
Sesuat Perkhidmatan**

5

10

Galakan



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

RASIONAL PEMBERIAN ELAUN

Menggalakkan persaingan yang sihat untuk meningkatkan kepakaran, kemahiran dan prestasi kerja.

Memberi ganjaran kepada pegawai yang menjalankan tugas dan tanggungjawab tambahan.

Mendorong dan mengekalkan pegawai untuk berkhidmat dalam perkhidmatan dan kawasan yang lebih mencabar.

Menampung kos sara hidup yang meningkat.





KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

JENIS ELAUN

Imbuhan Tetap

diberi berasaskan kriteria
kos sara hidup

Elaun

Diberi berasaskan kriteria
tanggungjawab tambahan dan
bayaran balik perbelanjaan



Bayaran Insentif

Berasaskan kriteria-kriteria:

- i) Risiko kerja
- ii) Galakan
- iii) Kesusahan
- iv) Kepakaran
- v) Kemahiran
- vi) Keanehan/ tugas atau perkhidmatan
- vii) Kepentingan sesuatu perkhidmatan

PENYERAGAMAN SYARAT UMUM KELAYAKAN PEMBAYARAN ELAUN



Pembayaran elaun akan terhenti mulai hari pertama pegawai berada dalam keadaan berikut:

1.

**Cuti Tanpa Gaji
(termasuk Cuti
Belajar Tanpa Gaji)**

2.

**Cuti Separuh Gaji
(termasuk Cuti
Belajar Separuh Gaji)**

3.

**Kursus/ cuti belajar
bergaji penuh kerana
berkursus melebihi
92 hari termasuk Hari
Rehat Mingguan dan
Hari Kelepasan Am**

4.

**Cuti rehat yang
melebihi 28 hari
berturut-turut
termasuk Hari Rehat
Mingguan dan Hari
Kelepasan Am**

5.

**cuti selain daripada
Cuti Rehat, yang
tempohnya melebihi
28 hari berturut-turut
termasuk Hari Rehat
Mingguan dan Hari
Kelepasan Am**

6.


**kombinasi mana-mana jenis cuti yang tempohnya
melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat
Mingguan, Hari Kelepasan Am dan hari-hari tidak hadir
bekerja tanpa kebenaran**

7.

**menjalankan tugas rasmi selain daripada tugas hakiki
atas arahan Ketua Jabatan yang tempohnya melebihi
92 hari berturut-turut**



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



IMBUHAN TETAP DAN KOMPONEN BERUBAH





KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

JUMLAH PENDAPATAN

**GAJI
POKOK**

+

**IMBUHAN
TETAP**

+

**KOMPONEN
BERUBAH**

Bayaran bulanan kepada pegawai

-  Imbuhan Tetap Khidmat Awam
-  Imbuhan Tetap Perumahan
-  Imbuhan Tetap Keraian
-  Imbuhan Tetap Jawatan Utama

Elaun tidak kekal yang diberi
berdasarkan kriteria yang ditentukan

-  Bayaran Imbuhan Sara Hidup
-  Bayaran Imbuhan Perumahan Wilayah
-  Bayaran Insentif Wilayah
-  Bayaran Imbuhan Perumahan Khas

IMBUHAN TETAP





KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI


IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM (ITKA)

PP Bil. 3 Tahun 1990 (1 Jan 1990)

SPP Bil. 9 Tahun 2005 (1 Jan 2006)

SPP Bil. 8 Tahun 2006 (1 Jan 2007)

PEGAWAI
YANG LAYAK



Pegawai lantikan:

1

(1) Tetap

(2) Sementara

(3) Kontrak (contract of service)

(4) Sangkut

(5) Sambilan

2

Kumpulan P&P Gred 41 dan 42;

3

Pensyarah Gred 41 dan 45; dan

4

Kumpulan Pelaksana.



IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM (ITKA)

KADAR

(i) Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana

Gred	Kadar Sebulan (RM)	Tarikh Kuat Kuasa
41 dan 42	300	1 Januari 2006
35 hingga 40	220	
28 hingga 34	160	
25 dan 26	140	
18 hingga 24	115	
16 dan ke bawah	95	
		1 Januari 2007

(ii) Pensyarah

Gred	Kadar Sebulan (RM)	Tarikh Kuat Kuasa
45	300*	1 Januari 2006
41	300	

* Pensyarah yang tempoh perkhidmatan kurang daripada 10 tahun.





KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

IMBUHAN TETAP KERAJIAN (ITK)

PP Bil. 4 Tahun 1996 (1 Jan 1996)


PP Bil. 12 Tahun 2001 (1 Jan 2002)

PP Bil. 4 Tahun 2002 (1 Nov 2002)

SPP Bil. 10 Tahun 2008 (1 Julai 2008)

PP Bil. 12 Tahun 2016 (1 Januari 2017)

PEGAWAI
YANG LAYAK



1

Kumpulan Pengurusan Tertinggi; dan

2

Kumpulan P&P Gred 54 hingga 43.



IMBUHAN TETAP KERAIAAN (ITK)

KADAR

(i) Kumpulan Pengurusan Tertinggi

Gred	Kadar Sebulan (RM)	Tarikh Kuat Kuasa
KSN	5,300	1 Januari 2007
Utama Turus I	5,200	
Utama Turus II	5,100	
Utama Turus III	5,000	
Utama A	4,000	
Utama B	3,050	
Utama C	2,500	
Khas A	4,000	1 Januari 2008
Khas B	3,050	
Khas C	2,500	

IMBUHAN TETAP KERAIAAN (ITK)



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KADAR


(ii) Kumpulan Pengurusan & Profesional

Gred	Kadar Sebulan (RM)	Tarikh Kuat Kuasa
55 dan 56	2,100	1 Januari 2017
53 dan 54	800	1 Julai 1980
51 dan 52	600	
47 hingga 50	550	
43 dan 44	400	1 November 2002

(iii) Pensyarah

Gred	Kadar Sebulan (RM)	Tarikh Kuat Kuasa
55 dan 56	2,100	1 Januari 2017
53 dan 54	800	1 Julai 1980
51 dan 52	600	
46	550	
45	*500	1 November 2002


* Imbuhan Tetap Keraian sebanyak RM500.00 sebulan diberi kepada pegawai pada tahun ke 10 dan ke atas dalam gred yang sama atau setaraf. Tempoh perkhidmatan yang diambil kira tidak termasuk tempoh Cuti Tanpa Gaji. Sebelum itu pegawai dibayar Imbuhan Tetap Khidmat Awam atas kadar RM300 sebulan.



IMBUHAN TETAP PERUMAHAN (ITP)

PP Bil. 8 Tahun 2015 (1 Nov 2015)

PEGAWAI
YANG LAYAK



1

Pegawai yang tidak diperuntukkan kuarters layak menerima ITP pada kadar penuh termasuklah:

- (a) Pegawai yang mendiami kuarters yang diperuntukkan kepada pasangan pegawai
- (b) Pegawai yang mengikuti kursus bergaji penuh dengan/ tanpa biasiswa

2

Pegawai yang menduduki kuarters layak menerima Bayaran ITP pada kadar 25% daripada kelayakan gred pegawai.



IMBUHAN TETAP PERUMAHAN (ITP)

Pegawai Diperuntukkan Kuarters


$$\text{Pegawai} + \text{Kuarters} = 25\% \text{ ITP}$$

Termasuk:

- ✓ kursus bergaji penuh dengan biasiswa
- ✓ kursus bergaji penuh tanpa biasiswa

Kecuali kursus separuh gaji,

ITP = SEPARUH dari 25%

IMBUHAN TETAP PERUMAHAN (ITP)

Pegawai Tidak Diperuntukkan Kuarters



The diagram illustrates the calculation of the Fixed Housing Allowance (ITP) for employees who are not provided with quarters. It shows a family icon (representing the employee and their family) plus a crossed-out building icon (representing quarters that are not provided), which equals 100% ITP.

$$\text{Family Icon} + \text{Crossed-out Building Icon} = 100\%_{\text{ITP}}$$

Termasuk:

- ✓ kuarters diperuntukkan kepada pasangan
- ✓ kursus bergaji penuh dengan biasiswa
- ✓ kursus bergaji penuh tanpa biasiswa

Kecuali kursus separuh gaji,

ITP = SEPARUH dari 100%



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

IMBUHAN TETAP PERUMAHAN (ITP)

PP Bil. 8 Tahun 2015 (1 Nov 2015)

Tidak terpakai kepada pegawai yang diperuntukkan:

PEGAWAI YANG
TIDAK LAYAK
DIBAYAR 25% ITP



1

Rumah Biasa Kerajaan dan berkhidmat di Wilayah Persekutuan Labuan (kecuali Bomba, Penjara dan Unit Pencegahan Penyeludupan);

2

Rumah Khas Jabatan;

3

Rumah Khas Jawatan;

4

Kediaman Rasmi Penjawat Tinggi Kerajaan;

5

Kemudahan perumahan yang tidak dianggap sebagai kuarters di kawasan pedalaman.



IMBUHAN TETAP PERUMAHAN (ITP)

Pegawai* Diperuntukkan Kuarters Di Labuan

** Kecuali Perkhidmatan Bomba, Penjara dan Unit Pencegahan Penyeludupan*



Termasuk:

- ✓ kuarters diperuntukkan kepada pasangan
- ✓ kursus bergaji penuh dengan biasiswa
- ✓ kursus bergaji penuh tanpa biasiswa

Kecuali kursus separuh gaji,
ITP = SEPARUH dari 50%



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

IMBUHAN TETAP PERUMAHAN (ITP)

Pegawai Diperuntukkan Kuarters Substandard


$$\text{Family} + \text{substandard} = 100\%_{\text{ITP}}$$

Syarat

- ✓ Penentuan kawasan pedalaman seperti dalam PP 5/2000
- ✓ Tidak menepati ketiga-tiga kriteria perumahan kerajaan yang ditetapkan oleh BPH (perenggan 4(b), SPP 6/2009) iaitu:
 - i. Sesebuah rumah yang dijadikan Rumah Kerajaan di kawasan pedalaman hendaklah diperolehi atau dibina dengan peruntukan Kerajaan; dan
 - ii. diselenggara oleh Kerajaan; dan
 - iii. mempunyai kemudahan asas seperti bekalan air bersih, elektrik dan kaedah pembuangan najis dan kumbahan yang sempurna.

IMBUHAN TETAP PERUMAHAN (ITP)

Pegawai Diperuntukkan Kuarters Substandard


$$\text{Pegawai} + \text{substandard} = 100\%_{\text{ITP}}$$

Termasuk:

- ✓ kuarters diperuntukkan kepada pasangan
- ✓ kursus bergaji penuh dengan biasiswa
- ✓ kursus bergaji penuh tanpa biasiswa

**Kecuali kursus separuh gaji,
ITP = SEPARUH dari 100%**



IMBUHAN TETAP PERUMAHAN (ITP)

KADAR

(i) Kumpulan Pengurusan Tertinggi

Gred	Kadar Sebulan (RM)	Tarikh Kuat Kuasa
	Jawatan Utama/ Gred Khas	
KSN	3,000 (Jawatan Utama)	1 Januari 1992
Turus I	2,500	
Turus II	2,500	
Turus III	2,500	
Gred 'A'	2,000	
Gred 'B'	1,600	
Gred 'C'	1,300	



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

IMBUHAN TETAP PERUMAHAN (ITP)

KADAR

(ii) Kumpulan Pengurusan & Profesional

Gred	Kadar Sebulan (RM)	Tarikh Kuat Kuasa
55 dan 56	1,100	1 Januari 2017
53 dan 54	900	1 Januari 1996
51 dan 52	700	
45 - 50	700	
43 dan 44	400	1 Januari 2008
41 dan 42	300	1 November 2015

(iii) Kumpulan Pelaksana

Gred	Kadar Sebulan (RM)	Tarikh Kuat Kuasa
40 dan ke bawah	300	1 November 2015

IMBUHAN TETAP JAWATAN UTAMA (ITJU)



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

PP Bil. 9 Tahun 1991 (1 Jan 1992)

PP Bil. 10 Tahun 1991 (1 Jan 1992)

PMAT 7/2000 (1 Jan 1992)

SPP Bil. 10 Tahun 2008 (1 Julai 2008)

PEGAWAI
YANG LAYAK



1

Dibayar kepada pegawai dalam Jawatan Utama/ Gred Khas dan yang setaraf.

IMBUHAN TETAP JAWATAN UTAMA (ITJU)



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Jawatan	Kadar Sebulan (RM)	Tarikh Kuat Kuasa
Ketua Setiausaha Negara	4,000	1 Januari 1992
Utama Turus I	3,000	
Utama Turus II Panglima Angkatan Tentera Ketua Polis Negara	3,000	
Utama Turus III	3,000	
Utama A Jeneral Timbalan Ketua Polis Negara Khas A	2,500	1 Julai 2008
Utama B Leftenan Jeneral Pesuruhjaya Polis Khas B	1,500	
Utama C Mejar Jeneral Timbalan Pesuruhjaya Polis Khas C	1,000	


BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP



BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP

PP Bil. 7 Tahun 2019 (1 Januari 2020)

PEGAWAI YANG LAYAK



1	Kumpulan P&P serta Kumpulan Pelaksana
2	Lantikan tetap, sementara, kontrak (Contract of Service) dan Guru Interim
3	Diluluskan sebarang jenis cuti bergaji penuh
4	Diluluskan sebarang jenis cuti separuh gaji dibayar atas kadar separuh
5	Diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh dalam negara dibayar mengikut lokasi institusi pengajian
6	Diluluskan Cuti Belajar Separuh Gaji dalam negara dibayar atas kadar separuh mengikut lokasi institusi pengajian
7	Diperuntukkan Rumah Kerajaan dalam lingkungan (radius) 25 km dari tempat kerja (pejabat) dibayar atas kadar separuh
8	Diperuntukkan Rumah Kerajaan melebihi lingkungan (radius) 25 km dari tempat kerja (pejabat) dibayar atas kadar penuh

BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

PEGAWAI
YANG LAYAK



1 Kumpulan Pengurusan Tertinggi

2 Memangku atau dipinjamkan untuk menyandang jawatan Kumpulan Pengurusan Tertinggi

3 Pegawai Contract for Service

4 Dibayar Bayaran Insentif Wilayah

5 Berada dalam skim saraan agensi yang diasingkan pengurusan saraannya

6 Dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta

7 Dibayar Elaun Sara Hidup Luar Negara (PP 3/20013)

8 Diluluskan Cuti Belajar di luar negara melebihi 1 tahun

9 Bercuti tanpa gaji

NEGERI	PIHAK BERKUASA TEMPATAN
KAWASAN A	
Wilayah Persekutuan	Kuala Lumpur dan Putrajaya
Pulau Pinang	Pulau Pinang dan Seberang Perai
Selangor	Ampang Jaya, Kajang, Klang, Petaling Jaya, Selayang, Sepang, Shah Alam dan Subang Jaya
Negeri Sembilan	Seremban ⁷
Johor	Johor Bahru dan Iskandar Puteri ³
KAWASAN B	
Johor	Batu Pahat, Kluang, Kulai, Muar, Pasir Gudang ¹ , Segamat ⁴ dan Pontian ⁸
Kedah	Alor Star, Kulim, Langkawi, Sungai Petani dan Kubang Pasu ⁵
Kelantan	Kota Bharu
Melaka	Alor Gajah, Bandar Melaka dan Jasin
Negeri Sembilan	Nilai, Port Dickson dan Jempol ⁶
Perak	Ipoh, Kuala Kangsar, Manjung, Taiping dan Teluk Intan
Pahang	Bentong, Kuantan dan Temerloh
Perlis	Kangar
Terengganu	Kuala Terengganu, Dungun ² dan Kemaman
Selangor	Kuala Selangor ⁹ dan Hulu Selangor ¹⁰

Kawasan*	Kadar Sebulan (RM)	
	P&P	Pelaksana
A	300	350
B	250	300
Lain	150	200

* Kawasan A dan B adalah berdasarkan kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan yang ditetapkan.

Not
a:

- 1 JPA(BGE)(S)63/145/1-2 (47) bertarikh 19 Disember 2008 berkuat kuasa mulai 1 Julai 2008
- 2 JPA(BGE)(S)63/145/1-2 (48) bertarikh 19 Disember 2008 berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008
- 3 JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.11 (31) bertarikh 3 Ogos 2018 berkuat kuasa mulai 22 November 2017
- 4 JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.11 (32) bertarikh 3 Ogos 2018 berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008
- 5 JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.12 (5) bertarikh 27 Februari 2019 berkuat kuasa mulai 22 Oktober 2018
- 6 JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.12 (21) bertarikh 6 Disember 2019 berkuat kuasa mulai 6 Disember 2019
- 7 JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.12 (27) bertarikh 17 Mac 2020 berkuat kuasa mulai 17 Mac 2020
- 8 JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.13 (7) bertarikh 18 Oktober 2021 berkuat kuasa mulai 18 Oktober 2021
- 9 JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.13 (11) bertarikh 14 Disember 2021 berkuat kuasa mulai 14 Disember 2021
- 10 JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.13 (12) bertarikh 14 Disember 2021 berkuat kuasa mulai 14 Disember 2021



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

BAYARAN INSENTIF WILAYAH (BIW)

01

PP 6/1970

Elaun Khas diteruskan kepada pegawai Malaysia Barat yang ditempatkan di Malaysia Timur.

02

PP 7/1971

Elaun Wilayah dibayar kepada pegawai tempatan yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak.

03

PP 5/1978

Elaun Wilayah dipanjangkan kepada pegawai Semenanjung yang ditukarkan ke Wilayah Sabah atau Sarawak

04

PP 1/1980

EPK diwujudkan untuk pegawai bertukar wilayah. Elaun Wilayah dikekalkan bagi pegawai yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak.

EPK dimansuhkan pada 1987.



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

BAYARAN INSENTIF WILAYAH (BIW)

KADAR BIW

Lingkungan Gaji (termasuk Elaun Pemangkuan)	Peratusan Daripada Gaji Yang Diterima
RM6,289.14 dan ke atas	12.5%
RM4,029.64 – RM6,289.13	15.0%
RM2,015.74 – RM4,029.63	17.5%
RM1,329.74 – RM2,015.73	20.0%
RM951.35 – RM1,329.73	22.5%
RM951.34 ke bawah	25.0%

BAYARAN INSENTIF WILAYAH (BIW)



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KADAR BIW

BAGI PEGAWAI YANG MEMANGKU, KADAR BIW ADALAH TERMASUK
GAJI HAKIKI + ELAUN MEMANGKU X PERATURAN KELAYAKAN



BAYARAN INSENTIF WILAYAH (BIW)



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Syarat Pemberian



Bertugas di wilayah selain dari wilayah asalnya.




Pegawai Sabah/Sarawak/Labuan yang bertugas di negeri masing-masing.



Pegawai Sabah/Sarawak/Labuan yang bertukar antara negerinegeri itu.



BIW bagi pegawai berkursus lebih dari tiga (3) bulan, sama ada di dalam atau di luar negeri, akan diberhentikan.





KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

BAYARAN INSENTIF WILAYAH (BIW)

Bayaran Insentif Wilayah (BIW) dibayar kepada

- Pegawai yang berasal dari Sabah dan Sarawak yang dilantik dan/atau ditempatkan di Semenanjung;
- Pegawai yang berasal dari Semenanjung yang dilantik dan/atau ditempatkan berkhidmat di Sabah dan Sarawak;
- Pegawai dari Sabah dan Sarawak yang bertukar di negeri-negeri itu;
- Pegawai di Sabah dan Sarawak yang bertugas di negeri masing-masing

Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019, Perenggan 4 (d) menyatakan pegawai yang dibayar BIW tidak layak dibayar Bantuan Sara Hidup



BAYARAN IMBUHAN PERUMAHAN WILAYAH (BIPW)




KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



Kelayakan
mengikut gred



Kadar ITP diberikan
sekiranya BIPW lebih
rendah



Kadar berpandukan bandar
atau kawasan terletaknya
pejabat pegawai.

**Pemilihan hanya sekali sahaja sepanjang tempoh di
wilayah berkhidmat.**

KUMPULAN	Pengurusan Tertinggi				Pengurusan dan Profesional			Sokongan	
SISTEM SARAAN	Turus	A	B	C	Gred			Gred/Kategori	
BARU					1	2	3	V-VII	VII-XI
SISTEM SARAAN MALAYSIA	Turus	A	B	C	53 - 54	45 - 52	41 - 44	27 - 40	1 - 26
NEGERI/BANDAR									
K.L. / Putrajaya									
Semua kawasan	2500	2000	1600	1300	1100	700	600	550	500
Selangor									
Petaling Jaya	2500	2000	1600	1300	1100	700	600	550	500
Subang Jaya	2500	2000	1600	1300	1100	700	600	550	500
Shah Alam	2500	2000	1600	1300	1100	700	600	550	500
Kawasan lain	2500	2000	1600	1300	900	700	500	450	400
Pulau Pinang									
Pulau Pinang	2500	2000	1600	1300	1100	700	600	550	500
Seberang Perai	2500	2000	1600	1300	900	700	500	450	400
Johor									
Johor Bahru	2500	2000	1600	1300	900	700	500	450	400
Kawasan lain	2500	2000	1600	1300	900	700	300	280	230
Perak									
Ipoh	2500	2000	1600	1300	900	700	300	250	200
Kawasan lain	2500	2000	1600	1300	900	700	250	220	180
Negeri Sembilan									
Bandar Seremban	2500	2000	1600	1300	900	700	400	350	300
Kawasan lain	2500	2000	1600	1300	900	700	300	280	250
Melaka									
Bandar Melaka	2500	2000	1600	1300	900	700	400	350	300
Kawasan lain	2500	2000	1600	1300	900	700	300	250	230
Kedah									
Langkawi	2500	2000	1600	1300	900	700	500	450	400
Alor Setar	2500	2000	1600	1300	900	700	450	400	350
Sg. Petani	2500	2000	1600	1300	900	700	450	400	350
Kawasan lain	2500	2000	1600	1300	900	700	300	270	230

KUMPULAN	Pengurusan Tertinggi				Pengurusan dan Profesional			Sokongan	
SISTEM SARAAN	Turus	A	B	C	Gred			Gred/Kategori	
BARU					1	2	3	V-VII	VII-XI
SISTEM SARAAN MALAYSIA	Turus	A	B	C	53 - 54	45 - 52	41 - 44	27 - 40	1 - 26
NEGERI/BANDAR									
Perlis									
Kangar	2500	2000	1600	1300	900	700	280	250	220
Kawasan lain	2500	2000	1600	1300	900	700	260	230	200
Pahang									
Kuantan	2500	2000	1600	1300	900	700	350	300	250
Kawasan lain	2500	2000	1600	1300	900	700	280	250	220
Terengganu									
Kuala Terengganu	2500	2000	1600	1300	900	700	350	300	250
Dungun	2500	2000	1600	1300	900	700	350	300	250
Kawasan lain	2500	2000	1600	1300	900	700	270	230	180
Kelantan									
Kota Bharu	2500	2000	1600	1300	900	700	300	250	200
Kawasan lain	2500	2000	1600	1300	900	700	250	200	170
Sabah									
Kota Kinabalu	2500	2000	1600	1500	1300	1130	930	830	730
Sandakan	2500	2000	1600	1500	1250	1080	880	780	680
Kawasan lain	2500	2000	1600	1500	1200	1030	830	730	630
Labuan									
Labuan	2500	2000	1600	1500	1300	1130	930	830	730
Sarawak									
Kuching	2500	2000	1600	1300	900	700	600	550	500
Miri	2500	2000	1600	1300	900	700	600	550	500
Bintulu	2500	2000	1600	1300	900	700	600	550	500
Kawasan lain	2500	2000	1600	1300	900	700	500	450	400

IAN TINGGI

ELAUN PEMANGKUAN





KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

ELAUN PEMANGKUAN

Peraturan 44, P.U.(A)176/2005

~~PP 7/2010~~ dibatalkan ganti Ceraian UP. 3.1.1

TAFSIRAN



“Pelaksanaan tugas oleh seseorang pegawai **secara sepenuh masa** suatu **jawatan lain yang lebih tinggi grednya** daripada gred hakiki pegawai itu dalam skim perkhidmatan yang sama dengan **kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat**. Pegawai yang memangku layak dibayar **Elaun Memangku**”

SYARAT

1

pegawai memangku selama **28 hari berturut-turut** termasuk hari cuti mingguan dan kelepasan am; dan

2

pegawai boleh mengambil Cuti Rehat atau Cuti Sakit secara terkumpul yang **tidak melebihi** daripada **5 hari bekerja** bagi tempoh 28 hari pertama.



ELAUN PEMANGKUAN

Seseorang pegawai yang telah memangku sesuatu jawatan bagi tempoh yang disyaratkan dan kemudian **meninggalkan jawatan** yang dipangkunya **selama 28 hari atau lebih secara berturut-turut** termasuk hari kelepasan am, maka pegawai berkenaan **tidak layak** dibayar Elaun Pemangkuhan bagi tempoh tersebut **KECUALI** dalam keadaan berikut:



- ✓ menghadiri **kursus** yang diarah oleh Kerajaan;
- ✓ meninggalkan jawatan untuk menjalankan **tugas rasmi** lain atas arahan Kerajaan; atau
- ✓ dibenarkan **bercuti sakit** yang disokong oleh Sijil Sakit

*Tertakluk tempoh tersebut **tidak melebihi 92 hari berturut-turut** termasuk hari kelepasan am



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

ELAUN PEMANGKUAN

PERKARA	ELAUN PEMANGKUAN
Perbezaan $\geq$ KGT Gred Hakiki Pegawai	Jumlah Perbezaan
Perbezaan $<$ KGT Gred Hakiki Pegawai	KGT Jawatan Yang Ditanggung
Gaji Hakiki Pegawai $\geq$ Gaji Permulaan Jawatan Yang Ditanggung	KGT Jawatan Yang Ditanggung

*Elaun Pemangkuan hendaklah **dikira semula** pada setiap kali tarikh pergerakan gaji tahunan ataupun pada bila-bila masa gaji pegawai berkenaan berubah.*



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

CAKNA URUSAN PERKHIDMATAN ANDA

ELAUN DALAM PERKHIDMATAN AWAM

